

13 SEP 2000

Mahathir-perniagaan/I

DR MAHATHIR HARAP MAJLIS PERNIAGAAN M'SIA-US BANTU PENIAGA MALAYSIA

PUTRAJAYA, 13 Sept (Bernama) -- Majlis Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat telah diminta oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meningkatkan usaha bagi membantu rakyat Malaysia terlibat dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

Saranan disampaikan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat selama satu setengah jam dengan anggota-anggota majlis itu di pejabatnya di sini.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, presiden Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean Ernest Z. Bower berkata Dr Mahathir yakin majlis itu dapat memberi sumbangan yang lebih kerana Amerika merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar.

"Beliau (Dr Mahathir) mencabar kami supaya meningkatkan usaha ke arah itu. Mungkin beliau seorang yang gemar menggalakkan yang lain mencapai sesuatu yang lebih baik dan kami sedia menerima cabarannya," kata Bower.

Presiden American Express bagi Asia-Pasifik Geoff Bruce pula berkata Dr Mahathir juga meminta majlis itu membawa masuk acara-acara yang boleh menggalakkan industri pelancongan.

"Kami akan cuba membawa masuk lebih banyak acara antarabangsa seperti dalam bidang sukan atau persidangan perniagaan yang akan membantu meningkatkan imej dan persepsi terhadap Malaysia," katanya.

Pengerusi eksekutif Kumpulan Logistic Consortium Berhad Mirzan Mahathir yang merupakan pengerusi bersama mesyuarat itu, berkata majlis itu juga berminat terhadap pembangunan sumber manusia dan menyediakan mereka bagi k-ekonomi.

Sebagai 55 wakil syarikat multinasional terkemuka dari Malaysia dan Amerika menghadiri dialog kali kedua majlis itu bagi menggalakkan perdagangan dua hala dan pelaburan.

-- BERNAMA

NHA GM MAI